

# Minda Kaunseling

BIL.3 / MAC

# 2016

EKSPLO SELANGKAH KE UiTM 2016  
12-13 MAC 2016  
8.30 PAGI HINGGA 5.00 PETANG  
DEWAN AGUNG TUANKU CANSELOR, UiTM SHAH ALAM

## SYABAS DAN TAHNIAH!

Kepada semua kakitangan Pusat Kerjaya dan Kaunseling (PKK) atas komitmen dalam menjayakan Ekspo Selangkah ke UiTM 2016 yang dianjurkan oleh UiTM pada 12 hingga 13 Mac 2016. Para Pegawai Psikologi yang bertugas pada ekspo ini terdiri daripada Pegawai Psikologi PKK, UiTM Puncak Alam dan UiTM Puncak Perdana bertindak dalam memberi bimbingan dan konsultasi berhubung pemilihan kursus yang sesuai mengikut **KELAYAKAN, MINAT dan KEMAMPUAN** pelajar.

Sepanjang 2 hari ekspo ini **seramai 508 orang pelajar** telah berkunjung ke kaunter PKK yang terletak di atas Pentas Utama Dewan Agung Tuanku Canselor (DATC). Ibu bapa yang hadir bersama pelajar turut memeriahkan lagi suasana dan mengambil peluang mendapatkan maklumat mengenai bidang serta kursus yang ingin dipilih oleh anak-anak mereka. Pegawai Psikologi yang bertugas menyarankan kepada pelajar untuk mengunjungi *booth* fakulti bagi mendapatkan maklumat yang lebih jelas dan tepat.



Suasana pengunjung bertemu kaunselor bertugas di kaunter Pusat Kerjaya & Kaunseling Ekspo Selangkah Ke UiTM 2016



## CARA GAYA PEMBELAJARAN DAN KAITANNYA DENGAN PENCAPAIAN AKADEMIK

Artikel Oleh : Pn. Hjh Siti Aluyah Mohd Ali K.B.P.A  
Susunan & ilustrasi : Pn. Masrina Binti Abdul Halim K.B.P.A

Setiap pelajar di Universiti pasti ingin mencapai kecemerlangan akademik. Pencapaian akademik yang baik turut juga diinginkan oleh ibubapa dan pensyarah yang mendidik mereka. Terdapat berbagai faktor yang menyumbang kepada pencapaian akademik pelajar. Antara faktor-faktor yang telah dikenalpasti ialah sikap, kedudukan sosio-ekonomi, kelengkapan kemudahan belajar, tabiat, motivasi pelajar, keadaan persekitaran, kualiti pengajaran serta faktor kecerdasan. Bass dan Greary (1996) menyatakan salah satu cara menentukan prestasi atau kecekapan seseorang individu menguasai atau mempelajari ilmu adalah dengan mengenalpasti cara gaya pembelajarannya.

Pelajar yang inginkan kecemerlangan akademik perlu mengetahui cara gaya pembelajaran mereka. Menurut Dunn dan Stevenson (1997) dengan mengenalpasti cara gaya pembelajaran yang dimiliki akan dapat membantu seorang pelajar untuk mengenalpasti situasi pembelajaran dan mempertingkatkan prestasi pembelajaran.

Cara gaya pembelajaran setiap pelajar berbeza. Cara gaya pembelajaran merupakan bagaimana unsur-unsur daripada lima rangsangan iaitu persekitaran, emosi, sosial, fisiologi dan psikologi dapat mempengaruhi keupayaan pelajar memahami, berinteraksi dan bertindak balas kepada persekitaran pembelajarannya. Kolb (1985) telah memperkenalkan satu model mengenal pasti cara gaya pencapaian. Menurut beliau terdapat empat gaya pembelajaran iaitu diverger, konverger, asimilator dan akomodator. Berikut ciri-ciri cara gaya pembelajaran seperti yang dijelaskan oleh Kolb.

**Diverger:** Kebolehan berimajinasi, gemar menjana idea. Cenderung dalam bidang kemanusiaan dan sastera. Menggunakan pendekatan sosial dalam pembelajaran dan sensitif terhadap perasaan. Gemar membuat persepsi terhadap maklumat yang konkrit dan jelas. Memproses maklumat dengan membuat pemerhatian yang reflektif bagi melahirkan idea tanpa sebarang praktikal.

**Konverger:** Gemar membuat persepsi terhadap yang abstrak tetapi memprosesnya dengan cara membuat percubaan dan latihan yang aktif. Secara praktikal menyelesaikan masalah, membuat keputusan dan mengaplikasikan idea. Fokus kepada masalah khusus tidak emosional. Gemar berhadapan dengan benda berbanding orang. Menerima maklumat yang bersifat abstrak dan rumit serta memprosesnya dengan cara melakukan percubaan. Tidak gemar berimajinasi. Mencari hanya satu idea yang paling logik dan tepat dalam menyelesaikan masalah.

**Akomodator:** Gemar membuat persepsi terhadap maklumat yang konkrit sahaja dan memprosesnya dengan cara membuat percubaan dan latihan yang aktif. Suka membuat perkara yang baru. Mudah menyesuaikan diri dan sentiasa mencari peluang. Gemar menjalankan eksperimen. Suka cabaran dan berani mengambil risiko. Selesaikan masalah secara intuitif. Menerima maklumat bersifat spesifik dan memprosesnya dengan melakukan perubahan. Tidak mahir dalam membina teori dan idea. Berkebolehan membiasakan diri dalam suasana yang baru dan asing. Gemar mengikut gerak hati dan belajar menggunakan kaedah "cuba jaya dalam menyelesaikan sebarang masalah. Sering bersikap tergesa-gesa dan cepat berputus asa apabila berhadapan dengan maklumat yang susah difahami.

**Asimilator:** Gemar melakukan persepsi terhadap maklumat bersifat abstrak yang memerlukan analisis lebih mendalam, tetapi memproses maklumat tersebut secara perhatian reflektif. Boleh mencipta teori, sukakan penhujahan induktif. Mampu mencipta model berbentuk teori logik cepak menakul secara induktif. Menerima maklumat bersifat abstrak dan rumit serta memprosesnya dengan cara membuat pemerhatian yang mendalam sebelum membuat sebarang keputusan. Cepak dalam dalam subjek sains dan matematik. Mampu menggabungkan pelbagai idea bagi membentuk suatu konsep. Berkebolehan daripada segi membuat model teoritikal. Tidak minat bersosial. Gemar mengaplikasikan informasi atau maklumat yang dipelajari dalam situasi yang baru. Suka meneroka satu perkara yang baru.

Maka bolehlah dirumuskan apabila pelajar ketahui cara gaya pembelajaran dirinya maka pelajar boleh mengoptimalkan potensi diri sendiri dalam proses belajar. Pelajar boleh menjalani berbagai ujian psikologi dengan mendapatkan perkhidmatan di Pusat Kerjaya dan Kaunseling.

### Rujukan:

Bass G.M & Greary, W.T. (1996). Education Research Abstracts. Accounting Education.. (1), 238-242

Dunn, R. & Stevenson J.M. (1997). Teaching Diverse College Students To Study A Learning Style Prescription. College Student Journal, 31 (3): 333-339

Klavas, A. (1994). Learning Styles Program. Boosts Achievement and Test Scores. Clearing House. Vol. 67 (3) : 149

Kolb, D.A. (1984). Experimental Learning; Experience as the Source of Learning and Development, prentice Hall, Englewood, Cliffs, NJ

### MUTIARA KATA KAUNSELOR

“ It’s OK if you have difficulties in life. It makes you **STRONGER**”  
- Pn. Wan Noraini Wan Yusoff K.B, P.A-

Untuk Maklumat Terkini, Sila Layari

Laman Web Kami :

[www.jobshop.uitm.edu.my](http://www.jobshop.uitm.edu.my)

Atau lawati kami di



[www.facebook.com/PKKUiTM](https://www.facebook.com/PKKUiTM)